



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## SEJARAH JUGRA DARI TAHUN 1857 HINGGA 1957

NOORJANNAH BTE ADAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## SEJARAH JUGRA 1857 HINGGA 1957

NOORJANNAH BTE ADAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Sebagai Seorang manusia yang dicipta oleh Allah S.W.T perkara yang paling penting dan mustahak untuk saya adalah mengucapkan kesyukuran yang tidak terhingga kepada-Nya. Allah S.W.T telah memberikan rezeki dan pertolongan yang tidak terhingga untuk menyiapkan disertasi ini. Begitu juga Nabi Muhammad S.A.W yang mendoakan umat baginda supaya memohon pertolongan daripada Allah S.W.T untuk sentiasa berjaya dalam kehidupan harian.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Adnan Jusoh selaku penyelia saya, terima kasih atas tunjuk ajar dan sokongan yang diberikan sepanjang pengajian. Segala penat lelah dan tungkus lumus Dr. Adnan sepanjang pengajian amat saya hargai.

Tidak dilupakan sokongan dan pertolongan daripada kakitangan Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI, kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya, kakitangan Arkib Negara Malaysia dan kakitangan Perbadanan Adat Melayu Negeri Selangor (PADAT). Terima Kasih atas tunjuk ajar dan kerjasama yang diberikan dalam usaha menyiapkan disertasi ini.

Saya juga amat berterima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Henreng bin Masia dan Zainab Binti Ummareng kerana kesabaran, dorongan dan bantuan kewangan yang diberikan. Tanpa sokongan mereka disertasi ini tidak mungkin dapat disiapkan dengan baik. Selain bantuan kewangan mereka juga banyak memberikan kata-kata dorongan agar saya dapat menghabiskan pengajian dengan baik. Adik beradik saya Andi Asril, Asrul, Asri Yunita, dan Rosli yang sentiasa memahami dan selalu memberikan semangat agar segera menamatkan pengajian.





## ABSTRAK

Kajian ini tentang sejarah Jugra dari tahun 1857 hingga 1957. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan kegemilangan Jugra era pentadbiran Sultan Abdul Samad. Jugra telah berkembang sebagai sebuah kawasan perkampungan yang bersifat *multifunction* melalui pembinaan pelbagai infrastruktur moden seperti pejabat daerah, sekolah, pusat kesihatan dan penjara. Perkembangan ini didorong oleh faktor dalaman dan luaran seperti kebijaksanaan pentadbir tempatan dan campur tangan British. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan memberi penekanan kepada kajian analisis dokumen. Antara dokumen yang dikaji adalah Colonial Office (CO), Minutes of Selangor State Council (MSC) dan Selangor Secretariat Files (SSF). Dapatan kajian menunjukkan perkembangan Jugra didorong oleh pemilihannya sebagai sebuah pusat pentadbiran negeri Selangor. Dapatan kajian juga membuktikan kebijaksanaan Sultan Abdul Samad memanfaatkan campur tangan British di negeri Selangor telah menyumbang kepada perubahan landskap dan perkembangan infrastruktur yang bersifat moden di Jugra. Kemerosotan Jugra bermula pada tahun 1896 selepas kemangkatan Sultan Abdul Samad. Kegemilangan peranan Jugra semakin dilupakan menjelang tahun 1957 apabila kerajaan tempatan dan British masing-masing mengalihkan tumpuan kepada beberapa perkara dalaman seperti usaha ke arah kemerdekaan dan pemulihan Tanah Melayu selepas penjajahan pihak Jepun di samping beberapa perubahan lain yang tidak memberi tumpuan kepada perkembangan Jugra. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa Jugra pernah mencapai zaman kegemilangan di bawah pentadbiran Sultan Selangor keempat iaitu Sultan Abdul Samad. Walau bagaimanapun kegemilangan tersebut tidak dapat diteruskan disebabkan oleh beberapa krisis besar yang berlaku di Tanah Melayu amnya dan negeri Selangor khususnya. Kesimpulannya, Jugra pernah mengalami zaman kegemilangan terutama semasa di bawah pemerintahan Sultan Abdul Samad. Implikasinya, kajian sangat penting khususnya orang awam dalam memahami sejarah tempatan dan juga pihak berkuasa tempatan dalam merancang pembangunan untuk kemudahan rakyat di negeri Selangor.





## THE HISTOY OF JUGRA FROM 1857 TO 1957

### ABSTRACT

This study focuses on the History of Jugra from 1857 to 1957. This study aims to explain the history of Jugra during the reign of Sultan Abdul Samad. Jugra has grown as a multifunctional village through the construction of various modern infrastructure such as district office, school, health center and prison. This development is influenced by the internal and external factors such as the wisdom of local administrators and British intervention. The research method used in this study is qualitative method with emphasis on document analysis. Among the documents reviewed is Colonial Office (CO), Minutes of Selangor State (MSC) and Selangor Secretariat Files (SSF). The findings show that the development of Jugra is driven by its election as a state administrative center of Selangor. The findings also prove that is wisdom of Sultan Abdul Samad taking advantage of the British intervention in Selangor has contributed to the changing landscape and development of modern infrastructure at Jugra. The Jugra decline began in 1896 after the death of Sultan Abdul Samad. The glory of Jugra role has been forgotten by 1957 when the local and British governments shifted their focus to a number of internal matters such as efforts towards independence and restoration of Malaya after Japanese occupation as well as some other changes that did not focus on Jugra. The conclusion, this study shows that Jugra had reached the golden age under the administration of the fourth Sultan Sultan of Selangor that is Sultan Abdul Samad. However the glory can not be continued due to some of the major crises that occurred in Malaya generally and the state of Selangor in particular. The conclusion, Jugra has experienced great glory especially during the reign of Sultan Abdul Samad. Implicationof this study is very important especially to the public for understanding the local history as well and for the local authorities in planning development for the convenience of the people in the state of Selangor.





## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI PETA</b>	xii
<b>SENARAI FOTO</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI CARTA</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii

### BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Permasalahan Kajian	2
1.3	Persoalan Kajian	3
1.4	Objektif	4
1.5	Skop Kajian	5
1.6	Kajian Lepas	5





1.7	Metodologi Kajian	12
1.8	Struktur Bab	13
1.9	Kesimpulan	15

**BAB 2 LATAR BELAKANG**

2.1	Pendahuluan	16
2.2	Sejarah awal Jugra 1867	17
2.3	Kedudukan geografi dan bentuk muka Jugra	19
2.4	Petempatan awal di Jugra	22
2.5	Kepentingan sungai dalam perkembangan Jugra	28
2.6	Perkembangan awal kegiatan ekonomi Jugra	33
2.7	Kesimpulan	37

**BAB 3 JUGRA DI BAWAH PENTADBIRAN SULTAN  
ABDUL SAMAD**

3.1	Pendahuluan	38
3.2	Sejarah pentadbiran Selangor	39
3.3	Sistem perwarisan taktha kerajaan Selangor	45
3.3.1	Tahap awal 1766-1782	46
3.3.2	Tahap kedua 1876-1826	47
3.3.3	Tahap ketiga 1826-1857	48
3.3.4	Tahap keempat 1857-1898	48
3.4	Kemangkatan Sultan Muhammad 1857	49
3.5	Pentadbiran Sultan Abdul Samad 1857–1898 Salasilah kerabat Diraja selangor	57
3.5.1	Peralihan pusat pentadbiran negeri Selangor	72
3.5.2	Perang saudara di selangor	74





3.5.3 Perlantikan Tengku Kudin sebagai wakil sultan 1868–1877	76
3.5.4 Peranan Sultan Abdul Samad dalam MMNS	83
3.6 Kesimpulan	86

**BAB 4 PENEMPATAN RESIDEN DI JUGRA.**

4.1 Pendahuluan	87
4.2 Pengenalan Sistem Residen	89
4.3 Kesan Penempatan Residen Dalam Pentadbiran Di Jugra.	101
4.3.1 Penubuhan MMNS	105
4.3.2 Penubuhan Jabatan Kesihatan	109
4.3.3 Penubuhan Jabatan Pos dan Telegram	113
4.3.4 Penubuhan Jabatan Pendidikan	115
4.3.5 Penubuhan Balai Polis Dan Penjara Jugra	124
4.3.6 Penubuhan Jabatan Kerja raya Tanah dan Ukur	129
4.3.7 Peningkatan Ekonomi Jugra Era British	136
4.4 Kesimpulan.	145

**BAB 5 KEMEROSOTAN JUGRA**

5.1 Pendahuluan	147
5.2 Faktor kemerosotan Jugra	148
5.2.1 Kemangkatan Sultan Abdul Samad	148
5.2.2 Kelemahan Pengganti Sultan Abdul Samad	149
5.2.3 Penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu	154
5.2.4 Pendudukan Jepun di Tanah Melayu	155
5.3 Pentadbiran British Pasca Perang Dunia Ke-2	162
5.3.1 Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu	163





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

5.3.2 Persediaan Kearah Kemerdekaan  
Tanah Melayu 165

5.4 Kesimpulan 166

**BAB 6 KESIMPULAN** 168

**RUJUKAN** 174

**LAMPIRAN** 195



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
2.1	Perkembangan keluasan pertanian di selangor 1883-1888	34
3.1	Senarai pembesar yang memerintah daerah dalam negeri Selangor	44
3.2	Susunan penyandang jawatan Raja Muda Selangor dari tahun 1884 hingga 1936.	57
4.1	Senarai ahli yang hadir dalam persidangan MMNS yang pertama di istana Jugra.	105
4.2	Kerabat diraja Seangor yang menduduki Kerusi Ahli Majlis negeri Selangor (MMNS) 1877 hingga 1895	107
4.3	Cas perkhidmatan Telegram pada tahun 1890	114
4.4	Cas perkhidmatan peghantaran barang mengikut kawasan Sekolah Agama di Kuala Langat 1895	115
4.5	Peratus kehadiran pelajar di Sekolah Venakular dan sekolah Agama pada tahun 1888	120
4.7	Pembinaan sekolah mengikut daerah dan bilangan pelajar yang mendaftarkan diri pada tahun 1895	121
4.8	Perkembangan ahli Jabatan Polis dari 1883 hingga 1888	125
4.9	Bilangan Balai Polis di Selangor mengikut daerah pada tahun 1889	128
4.10	Peningkatan guna tanah pertanian di selangor 1883 hingga 1888	139
4.11	Perkembangan pikul Bijih Timah yang di eksport daripada Kuala Lumpur, Hulu Selangor dan Kuala Langat dari tahun 1883 hingga 1888	143
5.1	Kakitangan Pentadbiran semasa campur British di Selangor 1887.	150





## SENARAI PETA

No. Peta	Muka Surat
2.1 Peta menunjukkan kedudukan daerah Kuala Langat di negeri Sealangor	19
2.2 Peta Menunjukkan kedudukan Daerah Kuala Langat yang berdekatan dengan Selat Melaka.	27
4.1 Peta Lakaran Jalan Raya Klang-Jugra, 1898	135
5.1 Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1941-1943	155





## SENARAI FOTO

No. Foto	Muka Surat
3.1	Gambar Sultan Abdul Samad bersama Pengikutnya 59
3.2	Gambar Sultan Abdul Samad (Marhum Jugra) 61
3.3	Gambar Tengku Kudin 77
4.1	Reka bentuk binaan sekolah awal di Kuala Langat Pada tahun 1888 121
4.2	Pelajar-pelajar yang menunutut disekolah Melayu dalam daerah Kuala Langat 121
4.3	Gambaran penempatan Estet dan keadaan ladang getah di Tanah Melayu pada tahun 1890. 141
5.1	Gambar Sultan Musa'uddin Riayat Shah bersama ahli keluagra baginda dan askar Jepun 160
5.2	Gambar Gabenor Jepun sedang memeriksa barisan kehormat. 161





## SENARAI RAJAH

### No. Rajah

### Muka Surat

3.1	Perkembangan tahap pentadbiran di negeri Selangor mengikut Raja.	45
3.2	Sistem perwarisan taktha dalam kerajaan Selangor	55
3.3	Pewaris kesultanan Selangor dari tahun 1766-1898	58
3.5	Tahap pemerintahan Sultan Abdul Samad	62
4.1	Kedudukan hierarki pentadbiran British di negeri-negeri Melayu lindungan British 1875 hingga 1895	90





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xv

## SENARAI CARTA

No. Carta	Muka Surat
4.1	Jumlah kehadiran dan bilangan pelajar yang mendaftarkan diri dalam daerah Kuala Langat pada tahun 1888 118



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

CO	Colonial Office
DO	Dominion Office
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
FO	Forgein Office
JAS	The Journal Of Asian Studies
JMBRAS	Journal Of The Malaysian Brancah Of The Royal Asiatic Society
JRAS	Journal Of The Royal Asiatic Society
JSBRAS	Journal Of The Straits Branch Of The Royal Asiatic Society
JSEAH	Journal Of Southheast Asian Hitory
KL	Kuala Lumpur
KS	Kuala Selangor
LGT	Langat
LK	Lembga Kesihatan
KS	Kuala Selangor
LKHL	Lembaga Kesihatan Hulu Langat.
LKHS	Lembaga Kesihatan Hulu Selangor
LKK	Lembaga Kesihatan Klang
LKKL	Lembaga Kesihatan Kuala Lumpur
MBRAS	Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society
MS	Manuskrip
NNM	Negeri-negeri Melayu
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersatu
NNMLB	Negeri-negeri Lindungan British.
NNS	Negeri-negeri Selat





OBD	Orang Besar Daerah
OBES	Orang Besar Empat Suku
PP	Perjanjian dan Persetian
PDUL	Pejabat Daerah Ulu (Hulu) Langat
PPNS	Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor
PPUNS	Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Selangor
PSNS	Pejabat Sultan Negeri Selangor
PT.IL	Pejabat Tanah Jajahan London
SHTI	Syarikat Hindia Timur Inggeris
SP	Surat Persendirian
SSF	Selangor Secretariat Files
SSFR	Straits Settlements Factory Records
SSR	Straits Settlements Files
STM	Semenanjung Tanah Melayu
TSJ	The Selangor Journal
US	Ulu Selangor
WKNNS	Warta Kerajaan Negeri-negeri Selat
WKNS	Warta Kerajaan Negeri Selangor





## SENARAI LAMPIRAN

### Muka Surat

1	Peta Pelan Persempadan Mukim, Daerah Kuala Langat	179
2	Gambar Istana Jugra	180
3	Gambar Balai Polis Lama Yang Telah Di Tinggalkan	181
4	Gambar Pejabat Daerah Lama Jugra	182
5	Gambar Masjid Bandar	183
6	Gambar Istana Bandar	184
7	Gambar Rumah Banglo Ladang Pulau Carey	185
8	Gambar Makam Diraja Jugra	186
9	Gambar DYMM Sultan Sir Abd Samad Bin Tengku Panglima Besar Raja Abdullah.	187
10	Gambar DYMM Sultan Sir Alaeddin Sulaiman Shah	188
12	Gambar DYMM Sultan Sir Hisamuddin Alam Shah	189
13	Gambar Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah	190





## BAB 1

### PENGENALAN



#### 1.1 Pendahuluan

Jugra adalah sebuah mukim kecil yang terletak dalam daerah Kuala Langat. Wujud sebagai sebuah entiti politik yang terkenal kerana peranannya sebagai pusat pentadbiran semasa pemerintahan Sultan Selangor keempat (Sultan Abdul Samad). melalui penyelidikan yang dijalankan Jugra memiliki beberapa keistimewaan tersendiri yang merangkumi kedudukan dan bentuk muka bumi. Berdasarkan kepada ciri-ciri yang dinyatakan maka tidak hairanlah Jugra dipilih sebagai pusat pentadbiran negeri Selangor pada waktu tersebut.

Jugra awalnya hanyalah sebuah kawasan perkampungan biasa yang dihuni oleh penduduk primitif dengan menjalankan kegiatan ekonomi sara diri sebagai





aktiviti harian. Kemangkatan Sultan Muhammad pada tahun 1857 telah membawa kepada perlantikan Raja Abdul Samad sebagai Sultan Selangor yang ke-4. Raja Abdul Samad menggunakan gelaran Sultan Abdul Samad telah memulakan pentadbiran negeri Selangor di Jugra melalui pembinaan sebuah istana yang terletak di Bukit Jugra, bertitik tolak daripada tindakan tersebut nama Jugra mula dikenali dan menjadi tumpuan. Kegemilangan Jugra sebagai pusat pentadbiran negeri dapat dilihat sekitar tahun 1857 hingga kemangkatan baginda pada tahun 1898.

Sepanjang era pemerintahan almahrum Sultan Abdul Samad Jugra telah mengalami beberapa perubahan dalam sistem pentadbiran dan pembangunan. Perkembangan ini sudah semestinya datang daripada sistem pemerintahan yang teratur dan sistematik yang diperkenalkan oleh kerajaan British dengan sokongan

Sultan Abdul Samad. Campur tangan British di Selangor sedikit pun sebanyak menyumbang kepada perkembangan Jugra. Oleh itu, kajian turut menjelaskan kesan campur tangan kerajaan British di Selangor dalam perkembangan Jugra disamping beberapa faktor lain yang turut menjadi pendorong kepada perkembangan tersebut. Antaranya adalah seperti kedudukan yang strategik, peranan Tengku Kudin dan kewibawaan pentadbiran Sultan Abdul Samad.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Jugra yang pernah mencapai zaman kemasyuran mengalami kejatuhan dan pada masa kini hanya dikenali sebagai bandar bersejarah. Berdasarkan analisis lisan yang dijalankan ke atas masyarakat yang mendiami Kuala Lumpur dan Selangor,





sebilangan besar daripada individu yang ditanya tidak menggenali nama ‘Jugra’ dan kedudukan kawasan tersebut. Sedangkan, Jugra pada zaman kegemilagannya adalah pusat pertemuan penting di antara British dan pemimpin tempatan khususnya Sultan Abdul Samad. Terdapat beberapa bukti yang boleh mengukuhkan kenyataan ini sama ada secara fizikal mahupun bertulis. Permasalahan kajian yang ingin diketengahkan adalah peranan Jugra yang pernah dijadikan sebagai pusat pentadbiran kerajaan negeri Selangor dan asbab yang membawa kepada kemerosotan kawasan tersebut. Secara umumnya Jugra mamiliki nilai sejarah yang tersendiri dan merupakan satu khazanah negara yang harus dijaga untuk tatapan generasi akan datang.

Sepanjang pentadbiran Sultan Abdul Samad Jugra telah berubah daripada sebuah perkampungan biasa kepada sebuah bandar moden yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan. Walau bagaimanapun perkembangan tersebut dibayangi oleh campur tangan British. Maka kajian ingin melihat sejauhmanakah sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh pihak British dalam memberi sumbangan kepada perkembangan Jugra. Permasalahan kajian kedua yang ingin diketengahkan adalah peranan Sultan Abdul Samad sebagai pemimpin tertinggi. Hal ini, kerana baginda di labelkan sebagai seorang pemimpin yang lemah dan hanya menghabiskan sisa usianya di istana dengan menghisap candu. Maka kajian terhadap sumber primer perlu dijalankan bagi membuktikan kesahihan tuduhan tersebut.

### 1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin diketengahkan adalah;





1. Apakah kelebihan Jugra sehingga terpilih sebagai pusat pentadbiran negeri Selangor dalam era pemerintahan Sultan Abdul Samad?
2. Sejauhmanakah peranan Sultan Abdul Samad dalam perkembangan Jugra antara tahun 1857 hingga kemangkatan baginda pada tahun 1898?
3. Apakah faktor yang menyumbang kepada perkembangan Jugra daripada sebuah perkampungan biasa kepada sebuah pusat pentadbiran yang *multifunction*?
4. Apakah faktor yang mendorong kepada kemerosotan peranan Jugra sebagai sebuah pusat pentadbiran negeri Selangor.

#### 1.4 Objektif



Bagi menjawab persoalan yang dikemukakan, maka kajian ini akan memberi fokus kepada empat objektif:

1. Mengkaji sejarah awal Jugra meliputi aspek geografi dan kesesuaian kawasan tersebut sebagai pusat pentadbiran negeri Selangor.
2. Menjelaskan perkembangan Jugra dengan memberi fokus kepada era pentadbiran Sultan Abdul Samad.
3. Mangkaji perkembangan Jugra kesan daripada penempatan Residen semasa campur tangan British di negeri Selangor.
4. Menganalisis faktor yang membawa kepada kemerosotan Jugra sebagai pusat pentadbiran negeri Selangor.





## 1.5 Skop Kajian

Skop kajian disertasi ini dimulakan pada tahun 1857 dan diakhiri pada tahun 1957.

Pada tahun 1857 bermulanya era pemerintahan Sultan Abdul Samad sebagai sultan Selangor ke-4, perlantikan Sultan Abdul Samad telah membawa kepada pembukaan Jugra sebagai sebuah pusat pentadbiran negeri Selangor menggantikan Kuala Selangor. Pemilihan Jugra sebagai pusat pentadbiran adalah setelah mengambil kira aspek kedudukan dan kesesuaian kawasan tersebut sebagai pusat pentadbiran. Pada masa yang sama British telah memperkenalkan sistem Residen, pengenalan sistem Residen telah membawa perubahan yang merangkumi pentadbiran, kemajuan infrastruktur dan perkembangan dalam aspek ekonomi. Tempoh masa kajian dilanjutkan sehingga tahun 1957 untuk melihat perkembangan Jugra setelah

kemangkatan Sultan Abdul Samad. Hal ini kerana, Jugra sebagai pusat pemerintahan negeri Selangor mula mengalami kemerosotan setelah kemangkatan Sultan Abdul Samad. Maka tempoh masa kajian yang panjang membolehkan penulis mengkaji faktor-faktor yang membawa kepada kemerosotan Jugra.

## 1.6 Kajian Lepas

Kajian berkaitan sejarah awal negeri Selangor telah banyak dihasilkan namun penumpuan terhadap Jugra adalah sangat kurang. Sebagai contoh dalam buku *Glimpses of Selangor 1860-1898* oleh J.M Gullick, buku ini menjelaskan sejarah awal perkembangan negeri Selangor secara keseluruhan. Penumpuan utama buku ini adalah berkaitan perkembangan daerah yang terdapat dalam negeri Selangor. Walau





bagaimanapun peranan Jugra sebagai pusat pentadbiran pada waktu tersebut kurang diberi perhatian. Sedangkan pada tahun tersebut Jugra sedang berkembang sebagai sebuah pusat pentadbiran negeri Selangor dibawah pentadbiran Sultan Abdul Samad dan campur tangan British.

J.M Gullick turut mengulas berkaitan Selangor dalam bukunya yang berjudul *A History of Selangor 1766-1939*, yang diterbitkan pada tahun 1992. Dalam buku tersebut membincangkan sejarah perkembangan negeri Selangor yang bermula dengan sistem pentadbiran beraja sehingga pentadbiran diambil oleh pihak British dan akhirnya jatuh kepada pihak Jepun pada tahun 1941. Buku ini lebih memberi fokus kepada beberapa peristiwa penting yang berlaku di Selangor seperti Perang Klang, perlanunan dan kemerosotan ekonomi. Turut dijelaskan adalah peranan sultan

Selangor dalam pentadbiran kerajaan walau bagaimanapun Gullick tidak pula menjelaskan secara langsung berkaitan tindakan Sultan Abdul Samad mengalihkan pusat pentadbiran negeri Selangor ke Jugra dan campur tangan British dalam pentadbiran Selangor pada waktu tersebut.<sup>1</sup> Secara keseluruhannya buku tidak menjelaskan perkembangan Jugra dan peranan Sultan Abdul Samad sebagai pemimpin tertinggi dalam negeri Selangor walaupun tempoh masa kajian adalah merangkumi era kegemilangan Jugra sebagai sebuah pusat pentadbiran.

Dalam bukunya yang berjudul, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1972 Gullick telah mengkritik pentadbiran Sultan Abdul Samad. Beliau dalam buku tersebut menjelaskan bahawa sistem pentadbiran negeri Selangor adalah lemah sejak ianya diambil alih

<sup>1</sup> J. M. Gullick, *A History Of Selangor 1766-1939*, Petaling Jaya: Falcon Press Sdn Bhd, 1998.





oleh Sultan Muhammad dan diikuti oleh pentadbiran Sultan Abdul Samad. Namun pendapat Gullick ini tidak boleh disokong tanpa menjalankan kajian terperinci kerana seperti mana yang kita sedia maklum golongan raja dan kerabat diraja Selangor berperanan penting dalam MMNS begitu juga halnya dalam pentadbiran negeri.<sup>2</sup> Malah Selangor dibawah pentadbiran Sultan Abdul Samad telah mencapai pelbagai perubahan hasil daripada campur tangan British. Perkara ini sudah semestinya tidak dapat dicapai tanpa perkenan dan kebijaksanaan sultan yang memerintah pada waktu tersebut.

Gullick turut menambah koleksinya berkaitan Selangor dalam penulisannya yang bertajuk *A History of Selangor 1742 hingga 1957*, karya tersebut memberi penumpuan kepada perkembangan selangor dari segenap aspek bermula dengan penghijrahan orang Bugis sehingga kepadanya isu pergolakan yang berlaku di Selangor. Dalam kajiannya menghuraikan asal usul kesultanan Selangor yang bermula daripada keturunan Bugis iaitu Daeng Chelak dan bergelar Sultan Sallehuddin setelah diangkat darjatnya menjadi pemerintah Selangor. Turut dijelaskan dalam bukunya isu bantahan dengan pelombong Cina di Selangor iaitu kewujutan dua kongsi gelap Cina *Puak Gee Hin* dan *Hai San* yang saling bermusuhan diantara satu sama lain dalam usaha merebut kawasan perlombongan. Perbalahan di antara kedua puak ini berlaku dalam era pemerintahan Sultan Abdul Samad walau bagaimanapun kajian beliau tidak menjelaskan peranan Sultan Abdul Samad sebagai pemimpin tertinggi pada waktu tersebut dalam menangani pergolakan yang berlaku dalam negeri Selangor. Malah dalam tempoh kajian beliau Jugra berperanan sebagai pusat pentadbiran negeri

<sup>2</sup> J. M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978, hlm. 90.





Selangor namun peranan Jugra tidak dijelaskan dalam kajian tersebut.<sup>3</sup> Oleh itu, satu kajian terperinci perlu dijalankan bagi menjelaskan peranan penting Sultan Abdul Samad dalam mentadbir dan menangani permasalah yang berlaku dalam negeri Selangor sepanjang era pemerintahan baginda.

Kajian turut merujuk buku yang dikarang oleh Khoo Kay Kim iaitu '*Selangor Darul Ehsan Satu persepsi sejarah*'. Secara keseluruhannya buku ini lebih memberi tumpuan kepada aspek pembangunan dengan memberi fokus kepada perkembangan ekonomi dan hanya menyentuh sedikit sahaja berkenaan dengan perkembangan Jugra, antaranya adalah menjelaskan sejarah kewujutan Istana Jugra, Makam diraja, masjid dan tinggalan Pejabat Daerah Lama oleh pentadbir British. Namun tidak pula dijelaskan secara terperinci peranan tapak tersebut semasa pentadbiran British. Turut terkandung dalam tulisannya adalah peralihan pusat pemerintahan oleh Sultan Abdul Samad yang bertempat di Jugra, namun tidak dijelaskan secara terperinci akan punca peralihan tersebut dan peranan Jugra sebagai sebuah pusat pentadbiran.<sup>4</sup> Maka kajian ini adalah penting untuk mejelaskan peranan dan perkembangan Jugra semasa pemerintahan Sultan Abdul Samad.

Tidak lengkap rasanya untuk menjelaskan sejarah berkaitan Selangor tanpa merujuk kepada buku *Pesaka Selangor* yang diriwayatkan oleh Allahyarham Muhammad Amin bin Wan Muhammad Sa'id. Penekanan utama yang terkandung dalam buku ini adalah berkaitan dengan kebudayaan seperti adat istiadat diraja Selangor, peraturan dalam upacara pertabalan dan perlantikan OBD, kemangakatan

<sup>3</sup>J. M. Gullick, *A history of Selangor, 1742-1957*, Singapore: D. Moore for Eastern Universities Press, 1960.

<sup>4</sup>Khoo Kay Kim, *Selangor Darul Ehsan Satu Persepsi Sejarah*, Shah Alam: Muzium negeri Selangor Darul Ehsan, 1989, hlm. 45.





Raja dan sebagainya. Manakala dari aspek sejarah buku ini memberi gambaran yang jelas kepada peristiwa yang berlaku di Selangor khususnya diperingkat awal campur tangan pihak British sehingga kepada peristiwa berkaitan dengan perang Klang iaitu di antara Raja Mahadi dan Raja Abdullah. Miskipun dalam *Pesaka Selangor* ada diceritakan perihal Sultan Abdul Samad namun tidak dinyatakan secara terperinci tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh baginda khususnya sepanjang memerintah Selangor di Jugra. Malah perihal berkaitan sejarah dan perkembangan Jugra juga tidak dijelaskan.<sup>5</sup>

Campur tangan British dalam pentadbiran Selangor bermula dalam pemerintahan Sultan Abdul Samad. Maka penulis turut merujuk kepada buku *Nineteenth-century Malaya: The origins of British political control*, buku ini

menjelaskan penempatan Residen British di NNM seperti di Perak dan Selangor pada tahun 1874 manakala Sungai Ujong pada tahun 1875. Berdasarkan catatan dalam buku ini, didapati campur tangan tersebut adalah kerana kebimbangan British sekiranya kuasa lain akan menguasai NNM di semenanjung Tanah Melayu (STM) yang sememangnya kaya dengan bahan mineral semulajadi. Walau bagaimanapun penulis tidak menjelaskan secara lanjut berkenaan sejarah awal kemasukan British di Selangor dan penempatan Residen di Jugra yang pada waktu tersebut berperanan sebagai pusat pentadbiran negeri Selangor.<sup>6</sup>

Manakala dalam buku yang berjudul *Jugra dalam sejarah* yang dikarang oleh Yusuf Hassan, menjelaskan sejarah awal berkaitan Jugra dan pelaksanaan sistem

<sup>5</sup> Wan Muhammad Amin Wan Muhammad Said, *Pesaka Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966, hlm. 1- 36.

<sup>6</sup> C. D. Cowan, *Nineteenth-century Malaya: The Origins of British Political Control*, London : Oxford University Press, 1962.





pentadbiran oleh Sultan Abdul Samad. Selain daripada sejarah Jugra ia juga merangkumkan beberapa tempat bersejarah yang terdapat di Jugra. Antaranya adalah seperti makam kerabat diraja Selangor, Masjid Bandar, Istana Bandar dan Rumah Pasung. Walau bagaimanapun perkembangan politik dan ekonomi tidak di jelaskan secara terperinci begitu juga kaedah pentadbiran yang digunakan oleh Sultan Abdul Samad sepanjang mentadbir Selangor yang berpusat di Jugra. Maka kajian terperinci perlu dijalankan bagi menonjolkan peranan Sultan Abdul Samad dalam

Buyong Adil dalam bukunya yang bertajuk *Sejarah Selangor* lebih mengfokuskan perihal ‘Perang Saudara’ ataupun ‘Perang Klang’ yang berlaku di Selangor. Dalam penulisannya beliau menjelaskan secara terperinci individu yang terlibat dalam peperangan tersebut termasuklah kongsi gelap yang menyokong Raja

Mahadi dan Rajasi Abdullah. Selain daripada itu, beliau juga menyusun secara terperinci tentang perkembangan negeri Selangor sebagai sebuah pusat perlombongan yang terkenal dan kedatangan kapitan Cina yang kebanyakannya berjaya memonopoli kegiatan perlombongan di Selangor.<sup>7</sup> Dalam tulisan tersebut beliau menjelaskan perihal perlantikan Sultan Abdul Samad menjadi Sultan walau bagaimanapun tidak dijelaskan secara lanjut berkenaan dengan pelaksanaan sistem pentadbiran yang digunakan oleh Sultan Abdul Samad. Kajian beliau lebih memberi fokus kepada keadaan sosial dan ekonomi dalam negeri Selangor secara menyeluruh. Beliau turut menjelaskan masalah kesihatan yang berlaku di Selangor akibat daripada kepadatan penduduk dan penempatan yang tidak teratur khususnya di Kuala Lumpur. Selain menjelaskan perkembangan kegiatan perlombongan di Selangor beliau turut memprincikan secara ringkas berkaitan dengan penglibatan British dan peranannya

<sup>7</sup> Haji Buyong Adil *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, hlm.79.





dalam negeri Selangor. Namun perihal berkaitan perkembangan Jugra di bawah pentadbiran Sultan Abdul Samad dan British tidak diulas secara lanjut oleh penulis.

Sejarah berkenaan Jugra juga boleh dirujuk dalam buku ‘*Jugra dalam Sejarah*’ yang dikarang oleh Yusof Hassan. Walau bagaimanapun dalam buku ini beliau lebih memberi fokus kepada salasilah pemerintahan Selangor dan tempat bersejarah yang terdapat di Kuala Langat seperti Morib, Kanchong, Banting, Sungai Lang dan Sungai Langat. Dalam masa yang sama turut memperincikan berkaitan makam kerabat diraja yang terdapat di Jugra yang bermula dengan keturunan almahrum Sultan Abdul Samad. Manakala perkembangan politik dan ekonomi langsung tidak dijelasakan termasuklah kaedah pentadbiran yang digunakan oleh Sultan Abdul Samad dan kerajaan British sepanjang memerintah Jugra.<sup>8</sup>



Sememangnya tidak dapat dinafikan terdapat beberapa kajian lepas yang dibuat oleh para sarjana dengan memberi fokus kepada Jugra. Namun yang demikian setiap kajian memberi penekanan dalam aspek yang berbeza. Antaranya adalah kajian yang dibuat Azimi Salleh siswa daripada Universiti Teknologi Mara (UITM), dalam kajianya beliau memilih Jugra sebagai tapak kajian namun penumpuannya lebih kepada seni bina istana yang terdapat di Jugra.<sup>9</sup> Dalam kajian tersebut beliau ada menjelaskan perihal berkaitan pemerintahan Sultan Abdul Samad dan pembukaan Jugra oleh Sultan Abdul Samad namun penjelasan yang diberikan hanya secara sepintas lalu dan tidak menyeluruh kerana tumpuan penyelidikannya adalah berkaitan dengan seni bina istana. Begitu juga dengan kajian yang ditulis oleh Nur Zahidah

<sup>8</sup> Yusoff Hassan, *Jugra dalam sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbitan Tra-Tra, 1983, hlm. 97

<sup>9</sup> Azimi Salleh, *Seni Bina Istana*, Thesis (B.A), Selangor: Universiti Teknologi Malaysia, 1999. hlm. 123





Yusri dalam *Seni bina dan ragam hias masjid diraja Sultan Alaeddin, Jugra, Banting, Selangor Darul Ehsan.*<sup>10</sup> Kajian beliau juga memberi fokus kepada kajian istana, walaupun beliau ada menjelaskan berkenaan sejarah awal Jugra namun tidak mengulas secara lanjut berkenaan perkembangan Jugra di bawah pentadbiran Sultan Abdul Samad.

Seterusnya adalah kajian yang ditulis oleh saudara Nasrul yang bertajuk *Kajian Arkeologi di Pejabat Daerah Lama*. Dalam kajian tersebut beliau memilih Jugra sebagai tapak kajian, walau bagaimanapun kajian beliau membei tumpuan kepada bidang arkeologi. Penekanan utamanya adalah berkaitan penemuan barang lama hasil daripada proses cari gali yang dijalankan dan memberi penjelasan berkaitan peranan kawasan tersebut berdasarkan artifak yang ditemui. Namun dalam

penulisan tersebut tidak dijelaskan berkaitan peranan dan sejarah awal Jugra sebagai sebuah pusat pentadbiran negeri Selangor.<sup>11</sup> Beliau hanya memberi penerangan berkenaan dengan penemuan bahan arkeologi dikawasan tersebut tanpa mengulas lebih lanjut berkenaan sejarah bahan yang dijumpai.

## 1.7 Metodologi Kajian

Dalam menjelaskan Sejarah Jugra 1857 hingga 1957, menggunakan kaedah penyelidikan sejarah iaitu berdasarkan teknik kajian *library research* atau kajian perpustakaan dan *Arkib*. Kajian perpustakaan meliputi penyelidikan ke atas bahan-

<sup>10</sup> Nur Zahidah Yusri, *Seni bina dan ragam hias masjid diraja Sultan Alaeddin, Jugra, Banting, Selangor Darul Ehsan*, Thesis (M.A), Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2014 hlm. 58.

<sup>11</sup> Nasrul Hanif Saaudi, *Keadaan penyelidikan arkeologi: Kajian kes di tapak bangunan lama Bukit Jugra, Kuala Langat*, Thesis (B.A), Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2014.





bahan berbentuk buku, majalah, jurnal, latihan ilmiah, disertasi, tesis dan lain-lain bahan penerbitan yang boleh diperolehi di pelbagai Institusi Pengajian Tinggi seperti Universiti Malaya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Bahan-bahan tersebut dapat digunakan sebagai sumber sekunder untuk tujuan analisis dan perbandingan.

Manakala kajian Arkib pula digunakan untuk mendapatkan sumber primer atau sumber pertama. Bahan yang di perolehi daripada Arkib merupakan bahan utama dalam kajian kerana merangkumi rekod awal seperti minit mesyuarat, surat rasmi dan data awal.

## 1.8 Struktur Bab



Disertasi ini merangkumi lima bab, Bab yang pertama adalah bab pengenalan. Manakala bab kedua menjelaskan latar belakang yang memberi fokus kepada sejarah awal Jugra, bab ketiga berkaitan dengan pentadbiran Sultan Abdul Samad di Jugra, bab keempat pula penempatan Residen di Jugra. Seterusnya, Bab kelima iaitu era kemerosotan Jugra dan yang terakhir sekali adalah bab enam iaitu bab kesimpulan.

Bab pertama megandungi, latar belakang kajian, objektif kajian, metodologi kajian, skop kajian dan kajian lepas.

Dalam bab dua penyelidik akan menjelaskan latar belakang Jugra yang memberi fokus kepada sejarah awal kawasan tersebut. Bab ini akan membincangkan keadaan geografi dan bentuk muka bumi Jugra, kepentingan sungai dalam





perkembangan Jugra sebagai pusat pentadbiran dan kegiatan ekonomi masyarakat awal Jugra. Hal ini adalah untuk mengkaji beberapa aspek penting yang terdapat di Jugra sehingga menarik minat Sultan Abdul Samad untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat pemerintahan negeri Selangor. Turut dijelaskan dalam bab ini adalah penempatan awal dikawasan Jugra sebelum kawasan tersebut diiktiraf sebagai pusat pentadbiran negeri Selangor menggantikan Kuala Selangor sebelum ini.

Seterusnya dalam bab tiga akan memberi fokus kepada Jugra dibawah pentadbiran Sultan Abdul Samad. Dalam bab ini beberapa perkara akan dijelaskan, antaranya adalah sepintas lalu kerajaan negeri Selangor, sistem perwarisan takhta, perlantikan dan pentadbiran Sultan Abdul Samad di Jugra. Dalam bab tiga turut dijelaskan adalah asbab yang membawa kepada peralihan pusat pentadbiran di bawah pemerintahan Sultan Abdul Samad. Bagi memperlihatkan peranan dan keupayaan pentadbiran Sultan Abdul Samad maka kajian akan menjelaskan perihal perang Klang kerana ianya berlaku dalam era pemerintahan Sultan Abdul Samad. Turut dijelaskan adalah peranan Tengku Kudin dalam pentadbiran negeri Selangor yang secara tidak langsung telah memberi kesan kepada pentadbiran Sultan Abdul Samad di Jugra.

Bab empat menjelaskan penempatan Residen British di Jugra. Umumnya Jugra mencapai banyak perubahan semasa era campur tangan British di Selangor. Hal ini kerana British telah memperkenalkan beberapa perubahan yang membawa kepada perkembangan dalam pentadbiran di Jugra. Antara yang diperkenalkan oleh kerajaan British adalah MMNS, sistem kesihatan moden, Pejabat Derah, Jabatan Pos dan Telegraf, sistem pendidikan moden dan Balai Polis. Pembaharuan ini telah membawa satu perubahan besar dalam kehidupan masyarakat Jugra dan pentadbiran Sultan





Abdul Samad di kawasan tersebut. Perubahan yang diperkenalkan bertitik tolak daripda peranan Jugra sebagai pusat pentadbiran negeri Selangor.

Seterusnya adalah dalam bab lima, bab lima megandungi era kemerosotan Jugra. Dalam bab ini penyelidik akan menjelaskan beberapa perkara yang menyumbang kepada kemerosotan peranan Jugra sebagai pusat pentadbiran. Antaranya adalah kemangkatan Sultan Abdul Samad, penubuhan NNMB, pendudukan Jepun dan juga pentadbiran British setelah pengunduran Jepun.

### 1.9 Kesimpulan

Kajian berkenaan sejarah Jugra 1857-1957 adalah penting bagi menaikkan semula kawasan tersebut sebagai sebuah bandar bersejarah yang pernah menyumbang kepada pentadbiran Selangor. Terdapat monumen penting yang harus dipelihara kerana ianya adalah bukti kepada kegembilangan kawasan tersebut sebagai sebuah pusat pentadbiran moden dan menyumbang kepada taraf hidup masyarakat pada waktu tersebut seperti sekolah, penjara, Pejabat Daerah dan Rumah Api.

